

SURAH GUGUSAN BINTANG



Surah: 85 Juzuk: 30 Bil. Ayat: 22

Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah,
lagi Maha Mengasihani.

1. Demi langit yang mempunyai gugusan bintang.
2. Demi hari (pembalasan) yang dijanjikan.
3. Demi yang menyaksikan dan yang disaksikan.
4. Binasalah orang yang membuat parit.⁽¹⁾
5. Yang berapi (mempunyai) kayu bakar.
6. (Mereka dilaknat) ketika mereka duduk di sekelilingnya.
7. Sambil mereka menyaksikan apa yang mereka lakukan terhadap orang yang beriman.
8. Dan mereka menyeksa (orang yang beriman itu) hanya kerana mereka beriman kepada Allah Yang Maha Perkasa lagi Maha Terpuji.
9. Yang memiliki kuasa pemerintahan langit dan bumi. Dan (ingatlah) Allah Maha Menyaksikan setiap sesuatu.
10. Sesungguhnya orang yang mendatangkan cubaan kepada

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

وَالسَّمَاءِ ذَاتِ الْبُرُوجِ ①

وَالْيَوْمِ الْمَوْعُودِ ②

وَشَاهِدٍ وَمَشْهُودٍ ③

فُنِيلَ أَصْحَابِ الْأُخُدُودِ ④

النَّارِ ذَاتِ الْوُفُودِ ⑤

إِذْ هُمْ عَلَيْهَا قُعُودٌ ⑥

وَهُمْ عَلَى مَا يَفْعَلُونَ بِالْمُؤْمِنِينَ شُهُودٌ ⑦

وَمَا نَقَمُوا مِنْهُمْ إِلَّا أَنْ يُؤْمِنُوا بِاللَّهِ الْعَزِيزِ

الْحَمِيدِ ⑧

الَّذِي لَهُ مَلِكُ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَاللَّهُ عَلَى كُلِّ

شَيْءٍ شَهِيدٌ ⑨

إِنَّ الَّذِينَ فَتَنُوا الْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ فَرَّهُمْ سُرُوبًا

فَأَهُرَّ عَذَابُ جَهَنَّمَ وَلَهُمْ عَذَابُ الْحَرِيقِ ⑩

1 Iaitu pembesar-pembesar Najran di Yaman.

orang yang beriman sama ada lelaki atau perempuan,⁽¹⁾ kemudian mereka tidak bertaubat, maka mereka akan mendapat azab Jahannam dan mereka akan mendapat azab (neraka) yang membakar.

11. Sesungguhnya orang yang beriman dan melakukan kebaikan, mereka akan mendapat syurga-syurga yang mengalir di bawahnya beberapa sungai. Itulah kemenangan yang besar.
12. Sesungguhnya azab Tuhanmu sangat dahsyat.
13. Sesungguhnya Dialah yang memulakan penciptaan (makhluk) dan yang menghidupkannya (kembali).
14. Dan Dialah Yang Maha Pengampun lagi Maha Pengasih.
15. Yang memiliki Arasy lagi Maha Mulia.
16. Yang berkuasa melakukan apa yang Dia kehendaki.
17. Sudahkah sampai kepadamu (wahai Muhammad) berita tentang bala tentera (penentang),
18. (Iaitu) Firaun dan Thamud?
19. Memang orang yang kafir itu (selalu) mendustakan.

إِنَّ الَّذِينَ ءَامَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ لَهُمْ
جَنَّاتٌ تَجْرِي مِنْ تَحْتِهَا الْأَنْهَارُ ذَلِكَ الْقَوْمُ
الْكَبِيرُ ﴿١١﴾

إِنَّ بَطْشَ رَبِّكَ لَشَدِيدٌ ﴿١٢﴾

إِنَّهُ هُوَ يُبْدِي وَيُعِيدُ ﴿١٣﴾

وَهُوَ الْعَفُورُ الْوَدُودُ ﴿١٤﴾

ذُو الْعَرْشِ الْمَجِيدُ ﴿١٥﴾

فَعَالٌ لَمَّا يُرِيدُ ﴿١٦﴾

هَلْ أَتَاكَ حَدِيثُ الْجُنُودِ ﴿١٧﴾

فِرْعَوْنَ وَثَمُودَ ﴿١٨﴾

بَلِ الَّذِينَ كَفَرُوا فِي تَكْذِيبٍ ﴿١٩﴾

1 Mendatangkan cubaan ialah seperti menyeksa, mendatangkan bencana, membunuh dan sebagainya.

20. Sedangkan Allah mengepung dari belakang mereka.⁽¹⁾
21. Bahkan (yang didustakan itu) ialah al-Quran yang mulia.
22. Yang (tersimpan) dalam Lauh Mahfuz.⁽²⁾

وَاللَّهُ مِنْ وَرَائِهِمْ مُحِيطٌ ﴿٢٠﴾

بَلْ هُوَ قُرْآنٌ مَجِيدٌ ﴿٢١﴾

فِي لَوْحٍ مَّحْفُوظٍ ﴿٢٢﴾

1 Mereka tidak dapat lepas daripada kekuasaan Allah Subhanahu wa Ta'ala.

2 Lauh Mahfuz ialah kitab yang terpelihara daripada penambahan, pengurangan, penyelewengan dan perubahan. (Ibn Kathir 4: 212). Ia mengandungi suratan taqdir manusia.